

Jika lantik Dr. Mahathir sebagai menteri mentor

# Anwar bakal dibayangi Tun M

Oleh ASLINDA NASIR

Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim tiada kuasa penuh dalam membuat keputusan jika meletakkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai menteri mentor atau menteri kanan.

Ia berikutan cadangan Pengarah Strategi Amanah, Dr. Dzulkefly Ahmad sebagai menang-menang untuk menewaskan pihak lawan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) nanti.

Penganalisis politik, Prof. Dr. Mohd. Azizuddin Mohd. Sani berkata, langkah itu meletakkan Anwar terus dibayangi Dr. Mahathir sekali gus Pakatan Harapan (PH) akan terikat pada setiap keputusan dirancang.

“Kalau menteri mentor berperanan untuk menasihati, saya tak rasa ia akan mencapai matlamat kerana ia bergantung kepada Dr. Mahathir, dia boleh kacau Anwar jika dia nak. Tetapi adakah Anwar akan membenarkan perkara itu berlaku? Jadi seperti beliau tiada kuasa untuk membuat keputusan meskipun Anwar adalah Perdana Menteri yang dilantik.

“Pada ketika itu, fungsi sebenar menteri mentor perlu dikaji se-



mula peranannya kerana jawatan tersebut tidak pernah berlaku di Malaysia,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam, Dzulkefly dalam kenyataan yang sama menegaskan calon Perdana Menteri PH untuk PR-15 adalah Anwar sekali gus Dr.

Mahathir tidak lagi dipilih sebagai Perdana Menteri sementara seperti yang dilakukan PH sebelum ini.

Namun, peranan Dr. Mahathir dialu-alukan sekiranya PH menang sekali lagi pada pilihan raya akan datang.

“Ia ibarat Lee Kuan Yew men-

jadi Menteri Mentor Singapura, bertindak untuk menasihati setiap keputusan yang ingin dibuat. Pada ketika itu Goh Chok Tong merupakan Perdana Menteri, namun beliau tiada kuasa dalam menetapkan keputusan kerana keputusan utama terletak kepada Kuan Yew.

“Kalau itu diterapkan, ia akan mewujudkan konsep *de facto* dan *de jure Prime Minister* di mana sepatutnya Anwar yang memainkan peranan sebagai *de jure Prime Minister*, tetapi Tun Mahathir pula yang berperanan sebagai *de jure* kerana berpengaruh dalam membuat keputusan,” jelasnya lagi.

Justeru, jelas Azizuddin, cadangan Dzulkefly itu akan lebih menyebabkan kucar-kucir dalam sistem pentadbiran negara melainkan perkara itu dirancang lebih awal dengan meneliti secara jelas apa fungsi sebenar menteri mentor supaya ia tidak melangkaui peranan perdana menteri nanti.

“Perkara itu memang tidak pernah wujud di Malaysia, malah tiada dalam Perlembagaan kita, ia perlu disemak sama ada jawatan menteri mentor itu dibenarkan dengan memberi kuasa kepadanya untuk menasihati pada setiap keputusan yang dilakukan nanti atau pun tidak, itu paling penting,” ujarnya.